

02 DEC 1997

PAMERAN LUKISAN DIADAKAN SEMASA SIDANG KEMUNCIAK TIDAK FORMAL ASEAN

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Sebanyak 60 lukisan oleh para pelukis dari negara-negara Asean yang menonjolkan wawasan dan pencapaian pelukis rantau ini akan dipamerkan semasa sidang kemuncak tidak formal Asean di sini.

Wakil Khas Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar hari ini berkata enam lukisan masing-masing dari setiap negara anggota akan dipilih bersama-sama 12 lukisan dari Malaysia bagi pameran khas itu.

"Asean telah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang dan buat kali pertama kita akan dapat melihat hasil seni pelukis-pelukis Asean," katanya pada persidangan berita di sini. Yang turut hadir ialah Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh.

Ahmad Kamil berkata pameran itu, yang akan diadakan di Places of Golden Horses Hotel, akan bermula 15 Dis dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pameran itu kemudian akan dipindahkan ke Balai Seni Lukis Negara pada 15 Jan untuk membolehkan lebih ramai orang menyaksikan koleksi lukisan itu.

Antara lukisan yang dipamerkan ialah hasil seni Raden Salleh dari Indonesia, Fua Haripitak dari Thailand, Fernando Amorsolo dari Filipina dan Nguyen Gia Tri dari Vietnam.

Pelukis Malaysia termasuk Datuk Hoessein Enas, Datuk Syed Ahmad Jamal, Datuk Ibrahim Hussien, Latif Mohidin dan Redza Piyadasa. -- BERNAMA

MT AKD